

Headline **Pelajar DKM martabat seni tari**
Date **06. Mar 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **25**
Section **Supplement** Article Size **248** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Pelajar UKM martabat seni tari

LANGKAH Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi Pusat Kebudayaan Jabatan Perkhidmatan Pelajarnya menganjurkan *Festival Seni Tari Malaysia* pada 22 dan 23 Februari lalu patut diberi pujian.

Ini kerana, festival itu bukan setakat merupakan salah satu aktiviti di UKM tetapi ia juga mampu menerapkan minat terhadap usaha untuk mempertahankan seni tari di kalangan para pelajarnya.

Apatah lagi, festival itu lebih memberi penekanan kepada seni tari yang berteraskan seni dan budaya masyarakat Melayu seperti inang, joget dan zapin yang kini semakin dilupakan oleh generasi muda.

Festival yang turut mendapat kerjasama daripada Kolej Ibu Zain, UPM itu mengetengahkan enam kumpulan yang mewakili kolej-kolej di universiti tersebut.

Pada malam festival yang diberi nama *Malam Gerak Gemalai* itu, setiap kumpulan mempersembahkan dua jenis tarian iaitu yang

berteraskan tarian asli tradisional dan kategori kreatif.

Menerusi segmen tarian asli tradisional setiap kumpulan mempersembahkan tarian yang lazimnya dipersembahkan kepada para penonton di mana ia tidak banyak memperlihatkan kelainan.

Ini kerana, setiap kumpulan hanya mengikuti sahaja sesuatu alunan muzik yang disajikan dan menari mengikut rentak lagunya.

Bagaimanapun, melalui kategori kreatif pula lebih menonjolkan daya kreativiti para penari kerana setiap kumpulan bebas mereka gaya tarian mengikut konsep yang mereka ketengahkan.

Kebanyakan kumpulan cuba menampilkan gaya persembahan tarian yang banyak dikaitkan dengan unsur-unsur alam semula jadi yang kaya dengan sumber kehidupan serta sosio budayanya yang tersendiri.

Fenomena itu merupakan suatu pendekatan yang positif dalam mempelbagaikan gaya tarian dalam nafas yang baru tetapi masih dalam lingkungan seni yang dilitupi budaya masyarakat Melayu.



KUMPULAN dari Kolej Burhanuddin Helmi tampil mempersembahkan tarian yang menggunakan kipas dalam lenggok dan aksi tarian mereka.